

Surat khabar: Utusan Malaysia ( Hello Kampus )

Hari/Tarikh: 9/10/2013

Muka surat: 30

Tajuk : Unimas, CMSPT Jalin Kerjasama Tambah Baik Kualiti Jalan.

## Unimas, CMSPT jalin kerjasama tambah baik kualiti jalan

KOTA SAMARAHAN 8 Okt. - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan CMS Pavement Tech. Sdn. Bhd. (CMSPT) untuk membuat kajian bagi menambah baik kualiti jalan raya di negeri ini.


Unimas diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Wan Hashim Wan Ibrahim.

Sementara itu, CMSPT pula diwakili Ketua Bahagian Pembinaan dan Baikpulih Jalan CMS Sdn. Bhd., Lim Jit Yaw serta Pengurus Perundingan syarikat itu, John Lim.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Pengarah Urusan Kumpulan CMS, Datuk Richard Curtis.

Menurut kenyataan akhbar Unit Komunikasi Korporat Unimas, MoU yang dimeterai bertujuan mengukuhkan usaha kedua-dua pihak dalam menjalankan penyelidikan berkaitan kualiti kejuruteraan jalan-jalan raya di seluruh Sarawak.

Katanya, usaha tersebut sudah bermula sejak 2011 dan setakat ini, lima tesis dihasilkan pelajar Unimas manakala satu lagi kajian mendalam mengenai bidang sama masih dilakukan seorang pelajar Dok-



**RICHARD Curtis (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Wan Hashim Wan Ibrahim selepas majlis menandatangani MoU antara Unimas dengan CMSPT di Kota Samarahan, Sarawak, semalam.**

tor Falsafah (Phd).

“Salah satu topik utama dalam usahasama ini adalah untuk mengkaji lapisan bawah dasar jalan.

“Pemeteraian MoU ini membolehkan Unimas dan CMSPT menjalankan kerjasama melibatkan perundingan, pertukaran harta akademik, penganjuran seminar dan kursus jangka pendek serta latihan pelajar,” katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, kumpulan penyelidik Unimas dianggotai pakar akademik Jabatan Kejuruteraan Awam yang diketuai Prof. Madya Dr. Siti Noor Linda Taib manakala kumpulan penyelidik CMSPT pula diketuai Pengurus Besarinya, Teo Khing Tnia.

Beroperasi sejak 1995, CMSPT yang dimiliki Cahya Mata Sarawak Berhad menawarkan khidmat ke-

pakaran bagi teknologi pembinaan, penyelenggaraan dan membaik pulih jalan.

Selain mengamalkan pemuliharaan alam sekitar dan mempraktikkan konsep kejuruteraan serta pembinaan lestari, teknologi yang ditawarkan CMSPT juga membantu mengurangkan kos, menjimatkan masa dan meningkatkan kualiti serta jangka hayat jalan.